

# Dramatari *Misteri Telaga Tujuh* Gabungan Tarian Kontemporari dan Tradisi

Oleh Saira Latief

Kota Kinabalu, 18 April - Persembahan dramatari *Misteri Telaga Tujuh* yang berkisarkan tentang kisah dongeng rakyat kaum Suluk ditampilkan di Dewan Resital oleh pelajar Tahun 3 Program Seni Kreatif dari Fakulti Kemanusiaan, Seni Dan Warisan (FKSW).

Dramatari ini berjaya memukau penonton dengan gabungan tarian mereka yang berkonsepkan kontemporari dan tradisi.

Menurut Raychell Martin yang memegang watak sebagai Permaisuri, tarian ini merupakan idea dari Norzelmizainora, pelajar tahun 3 FKSW.

"Pensyarah tari kami, Encik Suhaimi telah memberikan tugas untuk mencari inspirasi berdasarkan beberapa buah cerita rakyat dan rakan saya, Norzelmizainora memilih cerita ini sebagai dramatari kami," kata Raychell ketika ditemui.

Mendapat ilham daripada cerita rakyat, Raychell berkata dramatari ini berdasarkan sejarah asal rakyat kaum Suluk yang berada di Kunak, Tawau dan mesej yang cuba disampaikan melalui dramatari ini adalah kekeluargaan yang utuh.

"Objektif utama persembahan dramatari ini adalah untuk menceritakan kepada

masyarakat atau individu yang kurang mengetahui tentang cerita rakyat yang sebenarnya penting untuk kita memahami budaya masyarakat kita," tambahnya. Pasukan dramatari ini telah dipecahkan kepada dua kumpulan dan masing-masing telah membuat koreografi tarian sendiri agar mesej dapat disampaikan dengan berkesan.

Sebelum menghasilkan pementasan yang terbaik, Raychell mengaku bahawa persembahan ini bukanlah sesuatu yang mudah dan pasukan mereka mengambil masa tiga bulan untuk menyeragamkan segala persembahan dan gerak tari mereka.

"Kami mendapat penasihat yang paling arif mengenai bidang ini iaitu pensyarah kami sendiri iaitu Pak Su (Encik Suhaimi) dan Encik Sharip Zainal," katanya.

Raychell juga menasihatkan kepada generasi muda yang berminat dan ingin menceburi dalam bidang ini untuk berfikiran terbuka, dan sebagai generasi muda masa kini, bidang seni haruslah dijadikan untuk mengutuhkannya tradisi warisan nenek moyang yang kian luput ditelan zaman.

"Tanpa seni, maka pudarlah kehidupan," tegas Raychell pada akhir kata.